



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

19 PELAJAR TAJAAN JPA TEMBUSI UNIVERSITI TERBAIK DUNIA

PUTRAJAYA, 4 September 2025 — Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada 19 pelajar tajaan JPA Ambilan 2023 yang telah berjaya menempatkan diri di universiti-universiti terkemuka dunia dalam senarai ***Top 20 QS World University Ranking Global***. Pencapaian gemilang hasil kecemerlangan dalam peperiksaan A-Level ini, mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam melahirkan modal insan berwibawa dan berdaya saing di pentas antarabangsa.

Di antara universiti berprestij yang menjadi destinasi mereka termasuk **University of Cambridge, Imperial College London, University College London, King's College London, The London School of Economics and Political Science** serta **The University of Edinburgh** di **United Kingdom**.

Kejayaan ini mencerminkan iltizam Kerajaan MADANI dalam melahirkan modal insan unggul berkelas dunia, selaras dengan aspirasi menjadikan Malaysia sebuah negara berprestasi tinggi, berdaya saing dan disegani di pentas global.

Di antara pelajar cemerlang yang telah berjaya menempatkan diri di universiti terkemuka dunia ialah:

- i. **Encik Muhammad Umar bin Nor'azim** – Keputusan A-Level: 3A*, University of Cambridge, bidang Sains Psikologi dan Tingkah Laku;
- ii. **Cik Chng Suzanne** – Keputusan A-Level: 4A*, University of Cambridge, bidang Kejuruteraan Kimia dan Bioteknologi;
- iii. **Encik Rubinthiran a/l Yogarajah** – Keputusan A-Level: 3A*, Imperial College London, bidang Kejuruteraan Kimia;
- iv. **Encik Muhammad Fitri Hatim bin Zainuddin** – Keputusan A-Level: 4A*, King's College London, bidang Matematik;
- v. **Encik Danish Hariz bin Ahmad Kamarul** - Keputusan A-Level: 3A*, The London School of Economics and Political Science, bidang Perakaunan dan Kewangan; dan

- vi. **Encik Imran Arif bin Mokhtar** – Keputusan A-Level: 3A*, The University of Edinburgh, bidang Fizik.

Kejayaan ini adalah hasil **usaha gigih, disiplin tinggi dan daya juang luar biasa** para pelajar dan pendidik sepanjang mengikuti pengajian peringkat A-Level. Lebih mengujakan, pencapaian mereka bukan sahaja membanggakan diri, keluarga dan institusi pendidikan, malah turut membuktikan bahawa **Malaysia mampu melahirkan generasi berkelas dunia** yang seterusnya mengangkat nama Malaysia ke persada antarabangsa.

JPA menegaskan bahawa kecemerlangan ini adalah selaras dengan aspirasi **Kerajaan MADANI** dalam menyantuni rakyat, berteraskan nilai **Kecemerlangan, Integriti** dan **Ihsan** dalam melahirkan generasi pewaris negara yang berwibawa. Para pelajar ini menggalas amanah besar sebagai duta kecil negara, mencerminkan citra rakyat Malaysia yang berilmu, berakhlak dan berdaya saing di peringkat global.

JPA mendoakan agar mereka terus berjaya dalam pengajian, mengharumkan nama negara, serta kembali ke tanah air dan menyumbang tenaga sebagai **modal insan berkualiti tinggi** yang akan bersama memacu pembangunan negara demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran Malaysia pada masa hadapan.

#####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 4 September 2025
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.3 (24)